



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 59 / 2019

270 ORANG MENGUNDI AWAL ESOK

1. Seramai **270 orang** pengundi awal bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.186 Sandakan akan mengundi pada **Selasa, 7 Mei 2019**. Mereka merupakan **270 orang** anggota polis yang akan mengundi di Mes Pegawai Kanan Pasukan Polis Marin dan Rumah Kelab Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sandakan.
2. Pusat Pengundian Awal di Mes Pegawai Kanan Pasukan Polis Marin Sandakan dibuka mulai **jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang**. Manakala bagi Pusat Mengundi di Rumah Kelab IPD Sandakan waktu pengundian dibuka dari **jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari**.
3. Proses pengundian awal ini akan disaksikan oleh setiap ejen calon serta Pemerhati Pilihan Raya yang terdiri daripada wakil organisasi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang telah dilantik oleh SPR. Di samping itu, SPR akan menyiarkan proses pengundian ini secara live streaming menerusi Facebook SPR.
4. Semua peti undi bagi pengundian awal akan disimpan di lokap balai polis dan pengiraannya akan dibuat pada Hari Pengundian pada 11 Mei 2019 di pusat pengiraan undi berkelompok di **Dewan Aktiviti Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tiong Hua Sandakan** dan akan disaksikan oleh ejen-ejen calon yang bertanding serta pemerhati pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 6 Mei 2019/ 1 Ramadhan 1440H